

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

### BIL. 21 / 2007

#### GARIS PANDUAN PENYEDIAAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UiTM DAN ORGANISASI LUAR

##### A. TUJUAN

Garis panduan ini dibuat bagi tujuan menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua pihak di UiTM sebelum sesuatu Memorandum Persefahaman/Memorandum Perjanjian antara UiTM dan organisasi luar ditandatangani.

##### B. PROSEDUR

Berikut adalah prosedur yang perlu diikuti:

1. Draf Memorandum Persefahaman/Memorandum Perjanjian (MoU/MoA) hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* untuk disemak.
2. Draf MoU/MoA yang telah disemak oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, sekiranya terdapat apa-apa pindaan dan/atau pembetulan hendaklah dikemukakan semula kepada organisasi luar yang berkenaan untuk dipersetujui terhadap pindaan atau pembetulan yang dicadangkan oleh pihak UiTM.
3. Draf yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak hendaklah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) untuk kelulusan dua (2) bulan sebelum MoU/MoA berkenaan ditandatangani. Jika MoU/MoA berkenaan memerlukan kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (rujuk para 6), hendaklah dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tiga (3) bulan sebelum perjanjian ditandatangani. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut :
  - 3.1 Draf MoU/MoA terkini yang telah disemak oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang;
  - 3.2 Surat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang memperakukan telah menyemak Draf MoU/MoA tersebut;
  - 3.3 Ringkasan eksekutif MoU/MoA berkenaan; dan
  - 3.4 Profil Syarikat (Nota: Profil syarikat tidak diperlukan jika pihak luar berkenaan merupakan agensi Kerajaan.)

4. Draf MoU/MoA yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Lembaga Pengarah UiTM, di Bahagian Pentadbiran dan Sekretariat, Pejabat Pendaftar **sepuluh (10) hari bekerja sebelum Mesyuarat Pra-Lembaga** bagi tujuan persediaan untuk dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM.
5. Kelulusan Kementerian Kewangan perlu diperolehi bagi MoU/MoA yang termasuk di bawah Seksyen 4A Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) seperti yang dilampirkan.
6. Bagi MoU/MoA yang melibatkan implikasi dasar, kewangan dan keselamatan Negara, MoU/MoA berkenaan juga perlu mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Kementerian **dua (2) bulan sebelum tarikh MoU/MoA ditandatangani**.
7. Setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah UiTM, dan kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat-syarat serta terma-terma Memorandum Perjanjian berkenaan, Bahagian / Pusat / Fakulti yang berkenaan hendaklah mendapatkan persetujuan tarikh daripada pihak Naib Canselor untuk MoU/MoA berkenaan ditandatangani.
8. Sekiranya Majlis Menandatangani MoU/MoA akan diadakan, Bahagian / Pusat / Fakulti hendaklah juga berhubung dengan Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa (JKKPA) bagi urusan persediaan majlis.
9. Satu salinan MoU/MoA yang telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak hendaklah dihantar kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk simpanan. Satu salinan lagi hendaklah dihantar kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan disertakan surat perakuan daripada Penasihat Undang-Undang UiTM yang menyatakan bahawa perjanjian tersebut adalah teratur.

#### C. PENGECUALIAN

Kecuali diarahkan sebaliknya oleh pihak pengurusan atasan UiTM, perenggan 3, 4, 5 dan 7 Garis Panduan ini tidak terpakai kepada Perjanjian yang mendapat kelulusan Jawatankuasa-Jawatankuasa berikut :

- (a) Jawatankuasa Tender;
- (b) Jawatankuasa Sebut Harga; dan
- (c) Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah UiTM.

#### D. MUSTAHAK

1. Semua MoU/MoA hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Eksekutif dan bagi MoA, mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, dan Kementerian Pengajian Tinggi (jika berkaitan dengan para 6), terlebih dahulu sebelum ditandatangani.
2. MoU/MoA Akademik antara UiTM dengan Organisasi Luar Negara hendaklah melalui Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa.
3. Kampus Cawangan tidak dibenarkan mengadakan MoU/MoA secara terus dengan pihak luar, sebaliknya hendaklah melalui pihak Fakulti / Pusat / Bahagian di kampus induk.

E. KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa serta merta.



DATO' SERI PROF DR. IBRAHIM ABU SHAH  
Naib Canselor

Rujukan Kami : 100-UiTM(NC 6/2)  
Tarikh : 8 Mei 2007